

## KHUTBAH JUMAAT

“AKHLAK DAN ILMU SHEIKH HAJI OTHMAN ABDUL WAHAB”  
(16 Jun 2023M/ 27 Zulkaedah 1444H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْغَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita peroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : **'Akhlak Dan Ilmu Sheikh Haji Othman Abdul Wahab'**.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sedar tidak sedar, kita telah berada di penghujung bulan Zulkaedah

dan tidak lama lagi akan tiba pula bulan Zulhijjah. Pada ketika ini, umat Islam dari seluruh pelusuk dunia termasuklah dari Malaysia pergi ke Makkah al-Mukarramah dan kawasan sekitarnya untuk menunaikan ibadat Haji yang merupakan rukun Islam yang kelima.

Bulan Zulhijjah yang bakal tiba dan tiga bulan yang lain iaitu Zulkaedah, Muharam dan Rejab adalah empat bulan Haram yang suci lagi dimuliakan. Sepuluh hari yang pertama dalam bulan Zulhijjah pula begitu istimewa dan mulia berbanding hari-hari lain sepanjang tahun. Segala amal soleh yang dilakukan pada 10 hari yang pertama Zulhijjah ini amatlah disukai oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Imam al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani *rahimahullah* memberikan justifikasi dengan katanya yang bermaksud:

*“Dan yang jelas bahawa sebab kelebihan sepuluh yang pertama Zulhijjah adalah berhimpunnya ibadah-ibadah yang utama (ummahat al-ibadah) padanya iaitu solat, puasa, sedekah dan haji. Ia tidak datang berlaku pada (hari-hari) selain daripadanya (sepuluh hari pertama Zulhijjah)”*.

Justeru, marilah kita menggunakan kesempatan yang bakal tiba itu sepenuhnya dengan pelbagai amal soleh dan ketaatan, serta menjauhkan diri daripada segala kemaksiatan.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya, Sarawak amat bertuah kerana telah dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dengan para ulama yang luas ilmunya, lagi mulia akhlaknya dan tinggi kedudukannya di sisi Allah

*subhanahu wata'ala* yang banyak berjasa dalam sejarah perkembangan Islam bukan sahaja di peringkat Sarawak malah di peringkat global. Antaranya ialah Sheikh Haji Othman Abdul Wahab atau lebih dikenali dengan panggilan Sheikh Othman Sarawak.

Sheikh Othman Sarawak adalah seorang ulama kelahiran Sarawak iaitu di Kampung Sinjan dalam Bahagian Kuching pada 15 Julai 1864. Beliau telah berjaya mencapai ketinggian ilmu dan martabat sehingga memungkinkan beliau dilantik sebagai salah seorang guru atau syeikh yang mengajar ilmu-ilmu agama di Masjidil Haram, Mekah pada era awal abad ke-20.

Ketinggian ilmu dan akhlak yang dimiliki olehnya tergambar melalui ramainya bilangan penuntutnya yang telah mengikut jejak langkahnya sebagai ulama dalam menyampaikan ilmu agama dan dakwah. Nama-nama besar seperti Kiyai Haji Ahmad Marzuki Betawi, Sheikh Abdullah Fahim al-Filfilani, Maharaja Imam Basiuni Imran Sambas, Tuan Guru Saleh Bengkel Lombok dan Datuk Hakim Imam Abang Morshidi bin Abang Nuruddin adalah antara ilmuwan Nusantara yang merekodkan pengambilan ilmu daripada beliau.

Walaupun beliau telah meninggal dunia pada 29 Julai 1921, namun, legasi beliau dari segi kesungguhan menuntut ilmu dan akhlak yang mulia masih tetap utuh untuk kita teladani. Beliau sangat menjaga adabnya terhadap ilmu dan guru. Melalui adabnya itulah, beliau diberi keberkatan, kefahaman dan pertambahan ilmu.

Inilah yang ditegaskan oleh Imam Burhanuddin az-Zarnuji *rahimahullah* melalui kitabnya *Ta'lim al-muta'allim fi toriq at-ta'allum*:

*"Ketahuilah bahwa penuntut ilmu itu tidak akan memperoleh ilmu, dan tidak akan mendapat manfaat daripada ilmunya melainkan dengan mengagungkan (memuliakan) ilmu dan ahlinya (ilmuwan), dan memuliakan serta menghormati guru."*

Seterusnya, kesanggupan Sheikh Othman Sarawak untuk mengembara jauh bagi menziarahi dan berguru dengan para alim ulama membuktikan kesungguhan dan kesabaran beliau dalam usaha menuntut ilmu pengetahuan yang wajar dihayati. Imam al-Syafie *rahimahullah* dalam sebuah syairnya yang masyhur pernah berkata :

أَخِي لَنْ تَنَالُ الْعِلْمَ إِلَّا بِسِتَّةٍ ... سَأُنَبِّئُكَ عَنْ تَفْصِيلِهَا بِبَيَانٍ  
ذِكَاؤٌ وَحِرْصٌ وَاجْتِهَادٌ وَبُلْعَةٌ ... وَصُحْبَةٌ أُسْتَاذٍ وَطُولُ زَمَانٍ

**Maksudnya:** Saudaraku, kamu tidak akan memperoleh ilmu melainkan dengan enam perkara. Saya akan memberitahu kepadamu dengan perinciannya, iaitu kecerdasan akal, keinginan yang mendalam untuk memperolehinya, usaha yang bersungguh-sungguh, sumber kewangan yang mencukupi, bimbingan guru dan waktu yang lama.

Selain itu, kesediaan Sheikh Othman Sarawak untuk memuliakan orang yang datang bagi menuntut ilmu hatta anak-anak kecil yang

baharu belajar, menyerlahkan keindahan akhlak dan adab ketokohnya sebagai seorang pendidik untuk diteladani.

Mudah-mudahan dengan mengenali sedikit sebanyak peribadi tokoh ulama Sarawak ini akan membuka mata hati kita untuk menghormati dan memuliakan para ulama serta mencontohi akhlak mulia mereka. Semoga akan lahir lebih ramai lagi ulama dari bumi Sarawak yang akan menyerlahkan syiar Islam di seluruh alam.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya, Islam meletakkan ilmu pengetahuan pada kedudukan yang amat tinggi dan mulia. Hal ini jelas apabila Islam mewajibkan umatnya untuk menuntut ilmu, sama ada ilmu fardu ain seperti ilmu berkaitan akidah, solat fardu, dan sifat terpuji, mahupun ilmu fardu kifayah seperti ilmu falak, sains dan pengurusan jenazah. Anas bin Malik *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ ))

**Maksudnya:** *Menuntut ilmu itu wajib atas setiap orang Islam.*

*(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)*

Pada masa yang sama, kelebihan dan keistimewaan ilmu serta orang yang berilmu juga dinyatakan dengan banyaknya sebagai berita gembira dan pembakar semangat bagi umat Islam agar bersungguh-sungguh mendapatkannya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Mujadalah, ayat 11:

... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ...

**Maksudnya:** ... Allah meninggikan derajat orang yang beriman di antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa derajat....

Imam al-Qurtubi *rahimahullah* ketika menafsirkan ayat tadi dalam kitabnya *al-Jami' li ahkam al-Quran* menjelaskan:

"Iaitu pada pahala di akhirat dan kemuliaan di dunia, maka Allah mengangkat kedudukan orang yang beriman mengatasi orang yang tidak beriman, dan orang yang berilmu mengatasi orang yang tidak berilmu".

Beliau kemudiannya menukilkan kata-kata Abdullah Ibnu Mas'ud *radiallahu anhu* iaitu:

"Allah *subhanahu wata'ala* memuji orang yang berilmu (ulama) dalam ayat ini. Maknanya, Allah mengangkat kedudukan orang yang dikurniakan ilmu mengatasi orang beriman yang tidak dikurniakan ilmu dengan beberapa darjat iaitu darjat-darjat (kemuliaan dan keistimewaan) dalam agama mereka apabila mereka melaksanakan apa yang diperintahkan ke atas mereka."

Jelas bahawa ulama menempati posisi yang tinggi di sisi Allah *subhanahu wa ta'ala* dengan sebab iman dan ilmu yang dikurniakan Allah *subhanahu wata'ala* kepada mereka, apabila mereka beramal

dengan ilmunya. Abu al-Darda' *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda :

((... وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ ...))

**Maksudnya:** ... dan sesungguhnya keutamaan seorang yang berilmu itu berbanding seorang ahli ibadah yang tidak berilmu adalah umpama keutamaan bulan purnama mengatasi segala bintang ...

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada kita taufiq dan hidayah-Nya untuk kita terus bersemangat dalam menuntut ilmu dan beramal dengannya.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati kesimpulan dari khutbah hari ini iaitu:

**Pertama** : Sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah adalah hari yang terbaik untuk memperbanyakkan amal soleh dan ketaatan.

**Kedua** : Sheikh Haji Othman Abdul Wahab adalah tokoh ulama Sarawak yang wajar diteladani dalam kesungguhan menuntut ilmu dan berakhlak mulia.

**Ketiga** : Umat Islam hendaklah sentiasa berusaha memperolehi ilmu dan beramal dengan ilmunya.

Seterusnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 23 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
مَنْ الْمُؤْمِنِينَ رَجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَّنْ قَضَىٰ نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ  
مَّنْ يَنْتَظِرُ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

**Maksudnya:** Di antara orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ  
وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.